

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.0 Pendahuluan**

Data yang dikumpul telah dianalisiskan dengan menggunakan SPSS (Statistical Package for the Sosial Science) dan juga menggunakan analisis secara deskriptif. Bab ini akan membincangkan langkah-langkah yang dijalankan untuk menganalisis dan membentangkan data yang menjawab atau berkaitan soalan-soalan di Bab 1. Analisis data telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu informasi diskriptif dan analisis kajian.

#### **4.1 Informasi Diskriptif**

Statistik diskriptif telah digunakan untuk menerangkan tentang latar belakang responden. Pengiraan frekuensi dan peratus telah digunakan. Penerangan diskriptif pula telah digunakan untuk memberi penerangan tentang soal selidik penyelaras PKG, gurubesar sekolah rendah, pengetua sekolah menengah dan guru-guru. Penerangan deskriptif juga telah diberikan mengenai hasil dari pemerhatian dan pemerhatian penyertaan program PKG.

## **4.2 Analisis Kajian**

Dalam menjawab soalan-soalan kajian yang dicatatkan di Bab 1, teknik statistik yang berikut telah digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:

1. Untuk menerangkan tentang jenis/cara-cara penggunaan PKG yang disediakan untuk guru-guru sekolah rendah dan menengah, carta bar dan frekuensi telah digunakan.
2. Untuk menentukan perkhidmatan yang disediakan oleh PKG untuk sebab-sebab tertentu dan juga keperluan guru, skala berpandukan skala "Likert" telah digunakan. Skala ini dibahagikan kepada 4 point. Skor peratus bagi setiap kategori telah digunakan untuk menganalisa penggunaan relatif bagi setiap cara/sebab penggunaan PKG.
3. Skala jenis yang sama juga telah digunakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan PKG.
4. Untuk menentukan sikap guru terhadap penggunaan PKG untuk aktiviti yang berbagai, kadar peratusan telah digunakan.
5. Kaedah rujuk-silang ("cross-tabulation") telah digunakan untuk menjawab soalan kajian 4 iaitu menentukan perbezaan signifikan di antara guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah dalam penggunaan PKG untuk perkara/sebab tertentu.

6. Ujian Chi-square telah digunakan untuk mencari perbezaan signifikan di antara guru-guru yang tinggal jauh dan dekat dengan PKG, dalam penggunaan PKG.

#### **4.3 Laporan Kajian**


Hasil soal selidik, temu bual dan pemerhatian adalah seperti berikut:

##### **4.3.1 Bahagian 1: Butir-butir Peribadi dan Latar belakang Profesionalisme**

###### **Sampel**

Bahagian ini menjawab soalan kajian yang pertama, kedua dan ketiga. Dalam masa yang sama perlu juga kita lihat latarbelakang responden yang terlibat. Jumlah responden dalam kajian ini adalah seramai 100 orang iaitu 50 responden sekolah rendah dan 50 responden dari sekolah menengah. Responden ini telah dipilih secara rawak dari sepuluh buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah di kawasan Tanjung Ipoh, N. Sembilan. 37 orang dari jumlah responden adalah lelaki manakala responden perempuan berjumlah 63 orang. Majoriti guru iaitu sebanyak 42% tinggal dalam jarak 1 hingga 5km dari sekolah. Hanya 16% yang tinggal melebihi 21km dari sekolah di mana mereka bertugas. Jadual 1 menunjukkan jumlah jarak sekolah dari rumah guru mengikut setiap satu kategori.

**Jadual 1: Peratus Guru Berdasarkan Jarak Rumah Dari Sekolah**




Bahagian jarak rumah dari sekolah ini penting untuk mengenalpasti sama ada guru-guru menjadikan jarak ini sebagai alasan tidak menggunakan PKG. Sekiranya ya, maka ini hanya akan membuktikan bahawa guru-guru mempunyai sikap yang negatif. Ini kerana semua sekolah di Tanjung Ipoh mempunyai kedudukan yang wajar dari PKG iaitu terletak hampir di tengah-tengah zon PKG.

Dari segi tempoh mengajar atau pengalaman mengajar pula, sebanyak 37% dari guru-guru sudah mengajar di antara 6 hingga 12 tahun, 5% mengajar kurang dari setahun, 18% mengajar 1 hingga 5 tahun, 30% mengajar 13 hingga 20 tahun dan


hanya 10% mengajar lebih dari 21 tahun. Perbezaan peratusan ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Peratus Guru Berdasarkan Tempoh Mengajar**



Seramai 58% dari responden berkelulusan SPM/MCE/SPVM, 12% berkelulusan STP/HSC/STPM, 1% berkelulusan diploma dan 29% berijazah. Secara keseluruhan majoriti sampel di kawasan Tanjung Ipoh masih tergolong dalam kumpulan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Peratus Guru Berdasarkan Kelulusan**



Secara keseluruhan hanya 54% dari responden pernah menghadiri kursus dalam perkhidmatan dan dari jumlah ini 29% dari jumlah responden menghadiri hanya satu kursus dalam setahun.

Dari jumlah yang menghadiri kursus dalam perkhidmatan bukan anjuran PKG tadi, majoriti mendapati kursus tersebut berfaedah dan relevan. Pengetahuan fasilitator kursus juga mencukupi . Hanya jangka masa kursus kadang kala pendek.

#### **4.3.2 Kemudahan dan Penggunaan PKG**

##### (i) Kemudahan Peralatan

Bahagian ini membincangkan tentang reaksi responden terhadap peralatan dan kemudahan yang disediakan di PKG Tanjung Ipoh. Seramai 72% dari jumlah responden tahu tentang jenis peralatan yang disediakan oleh PKG tetapi hanya 63% yang pernah menggunakan peralatan atau kemudahan tersebut.


45% dari responden yang pernah menggunakan peralatan mendapati keadaan peralatan adalah baik, 23% daripadanya mendapati keadaan peralatan kadang kala baik dan hanya 5% menyatakan keadaan peralatan jarang baik. Majoriti responden, yakni 60% menyatakan bahawa ada panduan yang disediakan untuk penggunaan peralatan di PKG. Ini menunjukkan bahawa PKG telah mencapai tahap yang memuaskan tetapi belum mencapai tahap maksimum dari segi menyulur perkhidmatan kualiti menyeluruh.

Tentang bantuan yang diberikan oleh penyelaras pula, 51% dari responden menyatakan bahawa penyelaras selalu memberi bantuan, 20% responden pula menyatakan penyelaras kadang kala memberikan bantuan dan hanya 5% dari responden menyatakan bahawa bantuan jarang diberikan oleh penyelaras. Yang lain tidak memilih mana-mana jawapan yang disediakan.


ii) Kemudahan fizikal atau bangunan

Secara keseluruhan, didapati kemudahan fizikal atau bangunan seperti bilik grafik, bilik cetak dan bilik gelap jarang digunakan jika diteliti Jadual 4a hingga 4e. Hanya 16% dari responden yang pernah menggunakan bilik grafik dan 17% yang pernah menggunakan bilik cetak. Bilik gelap pula hanya pernah digunakan oleh 3% daripada responden. Perpustakaan (47%) dan bilik mesyuarat (63%) yang paling kerap digunakan di antara kemudahan fizikal yang disediakan.


**Jadual 4a: Penggunaan Bilik Grafik**




**Jadual 4b: Penggunaan Bilik Gelap**




**Jadual 4c: Penggunaan Bilik Cetak**



**Jadual 4d: Penggunaan Bilik Mesyuarat**



#### **Jadual 4e: Penggunaan Perpustakaan**




Dari segi kelengkapan bilik-bilik, 35% dari responden yang pernah menggunakannya mendapati bilik-bilik ini selalu lengkap, 34% dari responden pula mendapati bilik-bilik ini kadang kala lengkap dan hanya 4% dari responden menyatakan bilik-bilik ini jarang lengkap. Oleh itu secara keseluruhan boleh dikatakan, kelengkapan bilik-bilik ini adalah memadai.

Secara keseluruhan didapati bahawa tidaklah sukar mendapat kebenaran menggunakan bilik-bilik di PKG. Ini dibuktikan dengan peratusan yang didapati dari data soal selidik. Sebanyak 54% dari responden selalu senang mendapatkan kebenaran menggunakan kemudahan bilik-bilik PKG, 19% mengatakan kebenaran kadang-kala senang diperolehi dan hanya 10% mengatakan kebenaran sekali-sekala senang diperolehi.

### iii) Perkhidmatan Khidmat Nasihat Profesional

Di antara khidmat nasihat profesional yang disalurkan di PKG adalah melalui kursus, bengkel dan seminar. Berbagai jenis kursus diadakan oleh pihak PKG Tanjung Ipoh. Secara khusus kursus ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kursus yang berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran, kursus peningkatan profesionalisme dan kursus berkaitan dengan pengurusan. Secara keseluruhan didapati 82% dari responden pernah menghadiri kursus di PKG. Di antaranya 66% dari responden pernah menghadiri kursus mengenai proses pembelajaran dan pengajaran, 35% darinya pernah menghadiri kursus peningkatan profesionalisme dan 40% dari responden pula pernah menghadiri kursus pengurusan. Di antara mereka yang menghadiri kursus tentang proses pembelajaran dan pengajaran, 9% mendapatinya sangat berkesan, 61% mendapatinya berkesan, 11% mendapatinya tidak berkesan dan hanya 2% mendapatinya sangat tidak berkesan. Ini lebih jelas dilihat dalam Jadual 5.


**Jadual 5: Keberkesanan Kursus P & P**



Secara purata kursus mengenai proses pengajaran dan pembelajaran didapati berkesan.

Di antara mereka yang menghadiri kusus profesionalisme, 6% mendapatinya sangat berkesan, 50% mendapatinya berkesan, 14% mendapatinya tidak berkesan dan 1% mendapatinya sangat tidak berkesan. Sila lihat Jadual 6 untuk penelitian terperinci.

#### **Jadual 6 : Keberkesanan Kursus Profesionalisme**



Secara keseluruhan, keberkesanan kursus profesionalisme ini juga didapati melebihi 50% iaitu majoriti pengguna PKG mendapati kursus yang diadakan adalah berkesan.

Kursus Pengurusan juga didapati mencapai keberkesanan melebihi tahap minima di mana 6% daripada responden yang menghadirinya mendapatinya sangat berkesan, 51% mendapatinya berkesan, 13% mendapatinya tidak berkesan dan 1% mendapatinya tidak berkesan langsung.

Secara keseluruhan, 71% daripada responden yang pernah berkursus di PKG mendapati kemahiran fasilitator mencukupi. Ini menunjukkan bahawa majoriti

fasilitator yang memberikan kursus adalah dari golongan yang benar-benar mahir dalam bidang masing-masing.

Walau bagaimanapun, 73% dari responden yang pernah berkursus di PKG mendapati jangka masa kursus terlalu pendek. Kekangan masa ini yang selalunya membawa kepada hasil akhir yang kurang memuaskan. Sekiranya masalah ini boleh di atasi, kemungkinan untuk mencapai keberkesanan maksimum adalah tinggi.

Maklum balas selepas sesuatu kursus adalah sangat penting untuk penentuan dan membaiki kursus akan datang. Dengan adanya maklum balas, seseorang itu boleh menilai kelemahan dan kekuatan sesuatu rancangan. Melalui survey dikenalpasti hanya 52% responden yang pernah menghadiri kursus menyatakan bahawa maklum balas diperolehi oleh penyelaras PKG selepas setiap satu kursus. Peratusan ini walaupun majoriti tetapi kurang memuaskan kerana kursus tanpa maklum balas seolah-olah seperti melepaskan batuk di tangga iaitu tidak lengkap, dilakukan hanya untuk memenuhi syarat asas.

Walau bagaimanapun didapati 80% dari 52% tadi menyatakan cadangan yang diberikan semasa maklum balas ini diterapkan ke dalam kursus-kursus seterusnya. Secara keseluruhan 73% responden mendapati bahawa kursus-kursus yang diadakan menepati tujuan. Oleh yang demikian bolehlah dinyatakan bahawa perkhidmatan PKG dari segi pelaksanaan kursus untuk guru-guru adalah baik dan berkesan

walaupun belum mencapai tahap pengurusan kualiti menyeluruh yakni mencapai tahap 100% lengkap dari segala satu aspek. Ia masih mempunyai fungsi dan peranan yang ketara kecuali keberkesanannya masih diragui.

Seramai 66% dari responden yang menghadiri bengkel menyatakan ia menepati tujuan. Ini menunjukkan keberkesanannya yang mencapai tahap yang melebihi tahap minima (melebihi 50%). Apabila disoal mengenai kekerapan penyelaras mengadakan perbincangan dengan guru didapati 19% responden menyatakan selalu, 35% menyatakan kadang-kadang, 9% menyatakan sekali-sekala dan 11% menyatakan jarang. Ini menunjukkan penyelaras PKG kurang prihatin tentang kepentingan untuk selalu berbincang dengan guru supaya boleh mendapatkan maklum balas secara langsung tentang apakah yang sebenarnya diperlukan oleh guru. Perbincangan kadang-kala atau sekali-sekala tidak akan membantu penyelaras PKG mendapat gambaran yang jelas tentang keperluan guru yang berubah dari semasa ke semasa.

Hanya 31% daripada responden pernah menghadiri seminar-seminar anjuran PKG .Dari jumlah ini, 12% responden menyatakan seminar-seminar selalu menepati tujuan, 21% menyatakan seminar-seminar kadang-kala menepati tujuan dan 4% menyatakan ia sekali-sekala menepati tujuan. Jumlah keseluruhan menunjukkan bahawa kurang dari setengah jumlah responden yang pernah menghadiri seminar menyatakan seminar menepati tujuan. Selalunya objektif atau tujuan sesebuah seminar diberitahu di awal sesi seminar oleh penyelaras PKG. Ini menunjukkan PKG


Tanjung Ipoh tidak mencapai keberkesan yang memuaskan dari segi mengadakan seminar.

#### **4.3.3 Sikap Guru dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan PKG**

Sikap guru ini diteliti dari segi pilihan jawapan mereka. Pada masa yang sama juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi sikap guru dan seterusnya penggunaan PKG juga diteliti dalam bahagian ini. Sebanyak 29% dari responden menyatakan bahawa PKG mempunyai staff berkelayakan. Staff di sini mungkin dimaksudkan guru-guru yang datang untuk berkursus atau menggunakan PKG kerapkali sehingga boleh menguruskan sendiri keperluan mereka di PKG. Staff berkelayakan sebenarnya bermaksud pekerja khas yang boleh membantu dalam pelbagai aspek penggunaan PKG iaitu ia dapat membantu guru-guru dalam memberi panduan penggunaan peralatan, memberi pinjaman peralatan apabila penyelaras tiada dan memberi khidmat nasihat profesional sekiranya perlu. Di PKG Tanjung Ipoh hanya terdapat seorang sahaja yang menguruskannya iaitu penyelaras PKG. 59% dari responden menyatakan PKG tiada staff berkelayakan. Kesimpulan dari peratusan ini adalah walaupun PKG mempunyai penyelaras tetapi beliau tiada staff lain yang dapat meringankan bebananya untuk melayani keperluan pengguna PKG pada setiap masa. Oleh itu ramai pengguna tidak puas hati kerana seorang sahaja penyelaras yang menyalurkan perkhidmatannya kepada 12 buah sekolah.

Tentang penggunaan kemudahan di PKG, 42% dari responden menyatakan adalah sukar untuk menggunakan kemudahan jika dibandingkan dengan 45% yang menyatakan kemudahan boleh digunakan dengan senang. Di sini sekiranya diteliti didapati ada responden yang belum pernah menggunakan PKG menyatakan bahawa adalah sukar menggunakan kemudahan di PKG. Ini jelas menunjukkan sikap negatif para pengguna yang menilai sesuatu tanpa menelitiinya. Satu masalah yang ketara dari kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7 adalah pengangkutan. Guru-guru mendapati sukar untuk membawa dan menghantar peralatan dari PKG kerana kemudahan pengangkutan tidak disediakan.

**Jadual 7: Peratus Guru Berdasarkan Tahap Kesukaran Pengangkutan**




Sekira diteliti jadual di atas, didapati 21% responden menyatakan tiada masalah pengangkutan, 26% menyatakan masalah pengangkutan muncul kadang-kala,

22% menyatakan masalah pengangkutan memang wujud dan 18% menyatakan masalah pengangkutan benar-benar wujud. Secara keseluruhan didapati 66% responden bersetuju menyatakan masalah pengangkutan wujud dan ini mengancam peranan PKG untuk mengurus perkhidmatan berkualiti menyeluruh.

Satu lagi sikap guru dalam pengurusan pendidikan ialah sikap mereka yang suka menjadikan beban kerja sekolah sebagai alasan untuk tidak menyertai program pendidikan yang lain. Ini ketara dalam penggunaan PKG atau mengambil bahagian dalam aktiviti PKG. Ada di kalangan guru yang walau pun sibuk di peringkat sekolah, masih boleh mengambil bahagian dengan aktif di PKG tetapi terdapat juga guru lebih suka menjadikan beban kerja sekolah sebagai satu bahana untuk mengelakkan diri dari mengambil bahagian di PKG. Sila teliti jadual di bawah.


**Jadual 8: Peratus Guru Berdasarkan Faktor Beban Kerja Sekolah**



Keputusan bagi jadual di atas diperolehi dari bahagian 3 soalselidik di mana boleh disimpulkan bahawa lebih ramai guru menggunakan alasan beban kerja sekolah sebagai masalah yang menyukarkan mereka dalam penggunaan PKG.

Dari kajian didapati majoriti pengguna tidak menghadapi masalah seperti sewa peralatan yang tinggi, penyelaras yang tidak bekerjasama, biasa dengan cara lama dan gurubesar atau pengetua yang tidak berminat. Masalah yang ketara yang dihadapi oleh guru-guru di sini ialah mereka terpaksa memberikan tumpuan kepada sukan pelajaran. Oleh itu mereka lebih berminat untuk menyelesaikan sukan pelajaran yakni mereka tiada masa untuk memberi tumpuan terperinci kepada alat bantu mengajar terkini atau menghadiri kursus atau bengkel proses pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh PKG. Ramai guru sekolah menengah khususnya tidak suka meninggalkan sekolah untuk berkursus di PKG kerana ini akan mengganggu kesinambungan dan jadual pengajaran mereka. Secara keseluruhan didapati majoriti guru tinggal berhampiran dengan PKG iaitu dalam jarak 10 kilometer dari PKG. Kedudukan ini lebih jelas dalam Jadual 9 di bawah.

**Jadual 9: Peratus Guru Berdasarkan Jarak Rumah Dari PKG**



#### **4.3.4 Perbezaan Peranan dan Penggunaan PKG di Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah dan Menengah**


Secara umum terdapat pelbagai perbezaan di kalangan guru-guru sekolah rendah dan menengah dalam sistem pendidikan kita. Cara 'cross-tabulation' atau rujuk silang dilakukan dalam kajian untuk meneliti sama ada terdapat perbezaan di kalangan kedua-dua jenis guru ini dalam penggunaan atau peranan PKG.

Didapati peratus yang sama dari kedua-dua pihak telah menghadiri kursus anjuran PKG iaitu 27 orang dari jumlah 50 orang dari setiap satu kumpulan. Walau bagaimana pun didapati guru-guru sekolah rendah lebih kerap menghadiri kursus jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah menengah. Dari kajian didapati jumlah kursus dalam perkhidmatan maksimum yang pernah dihadiri oleh guru-guru sekolah rendah ialah sebanyak 5 kali setahun jika dibandingkan dengan 3 kali setahun oleh guru-guru sekolah menengah.

Dari kajian didapati 37.8% dari responden sekolah rendah terdiri dari guru lelaki manakala 62.2% responden sekolah menengah terdiri dari golongan yang sama. 88% guru di sekolah rendah mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 5 tahun manakala 66% guru sekolah menengah mempunyai pengalaman mengajar bagi tempoh yang sama.


Jika dilihat dari segi kelulusan tertinggi responden, guru-guru di sekolah rendah semuanya hanya mempunyai kelulusan SPM dan STPM iaitu 82% berkelulusan SPM/MCE/SPVM dan 18% berkelulusan HSC/STP/STPM. Responden dari sekolah menengah pula mempunyai 34% yang berkelulusan SPM/MCE/SPVM, 6% berkelulusan HSC/STP/STPM, 2% mempunyai kelulusan Diploma dan 58% mempunyai kelulusan berijazah. Peratusan ini jelas dalam Jadual 10.

**Jadual 10: Kelulusan Guru Berdasarkan Jenis Sekolah**



Jika dilihat dari segi pengetahuan tentang jenis peralatan di PKG, Jadual 11 menunjukkan guru-guru sekolah rendah didapati lebih prihatin berbanding guru-guru sekolah menengah.


**Jadual 11: Peratus Guru Berdasarkan Pengetahuan Tentang Peralatan**



Dari Jadual 11, didapati bahawa 90% guru sekolah rendah mengetahui tentang jenis peralatan yang terdapat di PKG dan hanya 54% guru sekolah menengah mengetahui tentangnya.


Perbezaan yang ketara juga dapat dilihat di antara guru-guru sekolah rendah dan menengah dalam penggunaan peralatan yang disediakan di PKG dalam Jadual 12. 82% dari responden sekolah rendah pernah menggunakan peralatan yang disediakan oleh PKG manakala hanya 12% yang tidak pernah menggunakan peralatan tersebut. Di kalangan responden dari sekolah menengah pula, hanya 42% yang pernah menggunakan peralatan dari PKG manakala 56% tidak pernah menggunakannya.

**Jadual 12: Penggunaan Peralatan PKG Berdasarkan Jenis Sekolah**




Penggunaan bilik-bilik di PKG juga berbeza di antara kedua-dua kelompok ini. Sila lihat jadual-jadual di bawah.


**Jadual 13a: Penggunaan Bilik Grafik Berdasarkan Jenis Sekolah**




**Jadual 13b: Penggunaan Bilik Cetak Berdasarkan Jenis Sekolah**




**Jadual 13c: Penggunaan Bilik Mesyuarat Berdasarkan Jenis Sekolah**



**Jadual 13d: Penggunaan Bilik Gelap Berdasarkan Jenis Sekolah**




**Jadual 13e: Penggunaan Perpustakaan Berdasarkan Jenis Sekolah**



Penggunaan semua bilik, kecuali bilik gelap, ketara lebih tinggi di kalangan guru-guru sekolah rendah jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah menengah.

Dari segi mendapatkan kebenaran menggunakan bilik-bilik khas iaitu bilik seminar, perpustakaan dan sebagainya di PKG, 78% dari guru sekolah rendah mengatakan mereka selalu senang mendapatkan kebenaran dari pihak PKG untuk menggunakan bilik-bilik tersebut, 16% menjawab kebenaran kadang-kala senang diperolehi dan 4% pula menyatakan kebenaran sekali-sekala senang diperolehi. Bagi responden sekolah menengah pula, 30% responden mengatakan kebenaran untuk menggunakan kemudahan PKG ini selalu senang diperolehi, 22% menyatakan ianya kadang-kala senang diperolehi dan 16% menyatakan kebenaran sekali-sekala senang diperolehi. Perbezaan ini jelas dilihat dalam Jadual 14. Selebihnya 32% responden sekolah menengah tidak memberi apa-apa jawapan. Jumlah ini sama ada tidak pernah menggunakan kemudahan PKG, tidak berminat untuk mengambil tahu atau tidak memerlukan bantuan kemudahan PKG ini.

**Jadual 14: Kemudahan Mendapat Izin Menggunakan Kemudahan PKG Berdasarkan Jenis Sekolah**




Dari skop kehadiran untuk kursus anjuran PKG juga terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua kelompok guru tadi. Secara keseluruhan 88% dari guru sekolah rendah pernah menghadiri kursus anjuran PKG berbanding dengan hanya 76% guru dari sekolah menengah.

Jika dilihat secara terperinci, 84% guru sekolah rendah dan 48% guru sekolah menengah pernah menghadiri kursus mengenai proses pengajaran dan pembelajaran, 48% guru sekolah rendah dan 22% guru sekolah menengah pernah menghadiri kursus mengenai profesionalisme perguruan dan 52% guru sekolah rendah dan 28% guru sekolah menengah pernah menghadiri kursus mengenai pengurusan anjuran PKG.


Secara keseluruhan jika diteliti didapati tumpuan lebih ketara kepada sekolah rendah.

Teliti Jadual 15a hingga 15c di bawah untuk melihat perbezaan yang ketara.


**Jadual 15a: Kehadiran Kursus Mengenai Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Jenis Sekolah**



**Jadual 15b: Kehadiran Kursus Mengenai Profesionalisme Perguruan Berdasarkan Jenis Sekolah**




### **Jadual 15c: Kehadiran Kursus Mengenai Proses Pengurusan Berdasarkan Jenis Sekolah**




Seterusnya kita juga boleh meneliti kehadiran untuk bengkel anjuran PKG.

Secara keseluruhan 84% guru sekolah rendah dan 46% guru sekolah menengah pernah menghadiri bengkel anjuran PKG. Jika dilihat secara terperinci, 80% guru sekolah rendah dan 34% guru sekolah menengah pernah menghadiri bengkel membuat alat bantu mengajar (ABM), 20% guru sekolah rendah dan 8% guru sekolah menengah pernah menghadiri bengkel penggubalan soalan ujian dan strategi pengajaran serta 28% guru sekolah rendah dan 16% guru sekolah menengah pernah menghadiri bengkel kemahiran menggunakan peralatan di PKG. Di sini juga ketara lebih ramai guru sekolah rendah yang menghadiri bengkel-bengkel anjuran PKG jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah menengah. Sila teliti Jadual 16a hingga 16c untuk mendapat gambaran yang lebih jelas.


**Jadual 16a: Kehadiran Berbengkel Berdasarkan Jenis Sekolah**



**Jadual 16b: Kehadiran Berbengkel Menggubal Soalan Dan Strategi Pengajaran**



**Jadual 16c: Kehadiran Berbengkel Kemahiran Penggunaan Alat Berdasarkan Jenis Sekolah**




Perbincangan antara penyelaras dan pengguna PKG sangat penting untuk memastikan pelaksanaan program PKG secara berjaya. Melalui perbincangan pelbagai masalah dapat diatasi selain dari merancang dan melaksana aktiviti. Kekerapan perbincangan yang tinggi akan memberi peluang yang lebih luas kepada pihak-pihak yang terlibat untuk berinteraksi dengan lebih mesra.

Dari kajian didapati 28% responden sekolah rendah menyatakan penyelaras PKG selalu berbincang dengan mereka, 50% menjawab kadang-kala dan 8% menyatakan sekali-sekala sementara hanya 8% responden mengatakan penyelaras PKG jarang berbincang dengan mereka. Di kalangan responden sekolah menengah pula, 10% menyatakan penyelaras PKG selalu mengadakan perbincangan dengan mereka, 20% menyatakan kadang-kala, 10 % menyatakan sekali-sekala dan 14%

menyatakan penyelaras PKG jarang mengadakan perbincangan bersama mereka. Secara keseluruhan jika diteliti Jadual 17 didapati penyelaras lebih kerap mengadakan perbincangan dengan guru-guru sekolah rendah jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah menengah.

**Jadual 17: Kekerapan Perbincangan Dengan Guru Berdasarkan Jenis Sekolah**



Di sini boleh disimpulkan bahawa PKG ketara memberi tumpuan yang lebih kepada guru-guru sekolah rendah jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah menengah. Apabila ditemui bual penyelaras PKG mengenai perkara ini beliau menyatakan tumpuan ini bukanlah disengajakan. Ini kerana terdapat beberapa

konstren-konstren yang tidak dapat dielakkan seperti waktu persekolahan sekolah rendah dan menengah yang berlainan, tumpuan pelajaran kedua-dua jenis sekolah yang berlainan, penceramah sukarela lebih ramai dari bidang pelajaran sekolah rendah dan juga kerana jumlah sekolah rendah jauh lebih banyak jika dibandingkan dengan jumlah sekolah menengah. Untuk setiap satu kursus atau bengkel, hanya seorang atau dua orang guru akan dijemput dari setiap sebuah sekolah dalam zon tersebut. Alasan yang diberikan oleh penyelaras mungkin boleh diterima tetapi perlulah dihayati bahawa terdapat berbagai cara yang boleh digunakan oleh penyelaras untuk mengatasi masalah ini. PKG kawasan Tanjung Ipoh sudah lama beroperasi dan sepatutnya dapat menyelesaikan masalah-masalah sebegini. Kursus dan bengkel yang disalurkan mestilah mengikut keperluan guru-guru di bawah pengurusan dan bukannya berdasarkan jumlah sekolah. Jenis-jenis kursus atau bengkel juga boleh diadakan mengikut bidang umum dan bukannya mengikut tumpuan subjek secara khusus.

#### **4.3.5 Laporan Temu bual Dengan Penyelaras PKG Tanjung Ipoh**

Salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan adalah temu bual. Kaedah ini memungkinkan pengkaji mendapatkan maklumat secara langsung. Untuk memastikan hasil akhir kajian tidak berat sebelah kepada pihak pengguna sahaja maka pengkaji telah menemu bual penyelaras PKG kawasan Tanjung Ipoh. Hasil temu bual tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

i) Perkhidmatan

Menurut penyelaras tersebut, PKG kawasan Tanjung Ipoh telah mula beroperasi pada 16hb. November, 1991. Ia telah dan sedang menawarkan berbagai-bagai jenis kursus, bengkel dan mesyuarat yang berkaitan dengan motivasi, teknologi serta juga mengadakan majlis sosial seperti hari keluarga. Biasanya kursus, bengkel atau mesyuarat ini dijalankan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) sebagai unit ikhtisas dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebagai unit mentadbir. Penceramah atau fasilitator aktiviti anjuran PKG ini biasanya terdiri daripada orang-orang yang mahir dalam bidang yang dipilih. Kumpulan sasaran aktiviti PKG ini biasanya bergantung kepada tajuk atau tema aktiviti. Secara umumnya ia melibatkan guru-guru dari kesemua sekolah di kawasan Tanjung Ipoh. Jumlah majoriti selalunya dari sekolah rendah memandangkan jumlah sekolah rendah di kawasan Tanjung Ipoh lebih banyak iaitu sepuluh buah berbanding dengan sekolah menengah sebanyak dua buah sahaja. Selain daripada jumlah guru-guru sekolah rendah juga lebih ramai jika dibandingkan dengan jumlah guru sekolah menengah.

Secara purata kursus diadakan sebanyak enam hingga lapan kali setahun. Bengkel dan mesyuarat juga diadakan sebanyak enam kali purata setahun. Aktiviti-aktiviti PKG ini dibiayai dengan dua cara. Pertama, dibiayai oleh JPNS dan cara kedua dibiayai oleh tabung PKG. Tabung PKG ini mendapat sumbangan dari Kementerian Pendidikan (Bahagian Teknologi Pendidikan) setiap tahun. Jumlahnya

berubah-ubah setiap tahun mengikut kemampuan dan keadaan ekonomi negara. Ia bergantung kepada belanjawan yang dijangkakan mengikut aktiviti yang dirancang.

Pada kebiasaan, seramai 30 orang guru terlibat setiap kali kursus atau bengkel diadakan. Ia adalah jumlah yang sesuai memandangkan keluasan bilik yang disediakan. Jumlah paling minima guru yang terlibat adalah sebanyak dua belas orang, biasanya untuk menghadiri mesyuarat iaitu hanya seorang wakil dijemput dari setiap sekolah.

Jantina tidak menjadi elemen untuk kehadiran berkursus atau berbengkel. Guru dipilih berdasarkan subjek atau tajuk kursus, bengkel atau mesyuarat. Pemilihan ini dilakukan oleh guru besar atau pengetua dengan arahan Pegawai Pendidikan Daerah.

## ii) Maklum Balas

Menurut penyelaras , 'feed-back' atau maklum balas ada dibuat selepas aktiviti anjuran PKG. Maklum balas ini biasanya dibuat melalui soal-selidik yang disediakan oleh penceramah itu sendiri atau secara lisan sahaja. Maklum balas jangka masa panjang jarang diperolehi kerana beberapa faktor misalannya masa yang terhad, tiada

kerjasama dari guru-guru dan pengetua serta PKG tidak diberikan mandat untuk memerhati pengajaran guru dalam kelas.

Oleh itu sekiranya terdapat kursus mengenai cara-cara penggunaan alat bantu mengajar dalam kelas, pihak PKG hanya boleh mendapatkan maklum balas secara lisan sama ada dari guru yang menghadiri kursus atau guru besar dan pengetua sesebuah sekolah. Maklumat yang diperolehi melalui cara ini tidak mempunyai kebolehpercayaan atau kesahan yang tinggi memandangkan ramai pendidik masih menganggap aktiviti PKG sebagai aktiviti sampingan. Tidak semua perkara yang disarankan melalui kursus, bengkel atau mesyuarat diamalkan oleh guru. Jarang diadakan kursus dalaman di sekolah masing-masing. Kebanyakan guru hanya menghadiri kursus hanya kerana disuruh berbuat demikian oleh ketua mereka. Ini berlaku kerana kurangnya komitmen dari pihak sekolah secara keseluruhan.

### iii) Jangka Masa Kursus dan Bengkel

Jangka masa satu-satu kursus diadakan adalah di antara satu hingga tiga hari. Masanya adalah dari lapan pagi hingga lima petang. Bengkel pula dijalankan secara berterusan selama empat hingga lapan bulan. Maksudnya di sini, guru-guru yang terlibat dalam bengkel akan bertemu sekali dalam seminggu untuk menyiapkan hasil

bengkel di akhir empat hingga lapan bulan bergantung kepada jenis projek yang dibengkelkan.

iv) Projek Lain

Selain daripada kursus dan bengkel, penyelaras PKG menyatakan bahawa mereka juga pernah menganjurkan gotong royong sama ada dari segi fizikal atau gotong royong intelektual. Gotong royong fizikal menurut penyelaras PKG bermaksud semua guru-guru pusat sumber sekolah akan berkumpul di salah sebuah sekolah yang memerlukan bantuan dari segi pengkatalogan atau susunan Pusat Sumber dan seterusnya membantu guru di situ mengemaskinikan pusat sumber sekolahnya. Walau bagaimana pun penyelaras PKG menyatakan bahawa gotong royong jenis ini kurang mendapat sambutan dari pihak pentadbir sebuah sekolah kerana mereka mungkin ingin menyelimuti kekurangan yang terdapat di sekolah masing-masing.

Gotong royong intelektual pula bermaksud bantuan yang disalurkan oleh PKG melalui projek akademik, misalannya projek 'self access learning' (SAL) yang telah dan sedang dijalankan oleh PKG kawasan Tanjung Ipoh dengan tumpuan khusus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Gotong royong SAL ini dijalankan dengan cara penemuan guru-guru Bahasa Inggeris di kawasan Tanjung Ipoh di salah sebuah sekolah yang memerlukan bantuan. Mereka akan bermesyuarat dahulu untuk

merancang aktiviti. Akhir sekali mereka akan bersama-sama menyediakan peralatan untuk memudahkan pelaksanaan SAL.

Projek seterusnya yang diadakan oleh PKG kawasan Tanjung Ipoh baru-baru ini ialah projek Pembudayaan Teknologi Pendidikan yang dinaungi oleh JPNS. Menurut penyelaras, projek ini berbentuk penyelidikan dan perkembangan. Ia lebih kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Projek ini masih dalam proses pelaksanaan.

v) Peralatan dan Kemudahan Bilik

Seterusnya dari segi kemudahan terbaru pula, peralatan siaraya terkini telah dibeli selain kemudahan mesin pencetak digital. Bilik tayangan juga telah dijadikan lebih selesa dengan pemasangan pendingin hawa. Semua peralatan di PKG boleh dipinjam menurut penyelarasnya. Borang tempahan ada disediakan (lihat Lampiran F).

Terdapat tiga bilik berlainan yang boleh ditempah pada satu-satu masa yang sama, iaitu bilik tayangan, bilik mesyuarat dan bengkel. Tempahan untuk peralatan terpaksa dibuat kerana ada di antara peralatan yang terhad. Oleh itu sesiapa yang menempah akan diberi keutamaan dalam pinjaman.

Sewa tidak dikenakan untuk pinjaman peralatan dari PKG. Hanya untuk pencetakan, pengguna digalakkan membawa bahan sendiri seperti kertas dan dakwat.

vi) Keperluan Pengguna

Penyelaras PKG Tanjung Ipoh seterusnya menyatakan bahawa kajian mengenai taksiran keperluan pengguna secara rasmi belum pernah dibuat. Yang dibuat secara tidak rasmi pun terhad kepada sebilangan guru sahaja. Sesi perbincangan secara rasmi dengan guru-guru juga tidak pernah dibuat setakat ini.

vii) Matlamat dan Pelaksanaan

Pada pendapat penyelaras PKG kawasan Tanjung Ipoh, fungsinya belum lagi mencapai tahap yang maksima atau sepenuhnya. PKG sekarang lebih tertumpu kepada unsur pengajaran itu sendiri dan bukannya guru. PKG atau dalam bahasa Inggeris "Teachers' Centre" sepatutnya memberi tumpuan kepada guru itu sendiri sebagai subjek. Ia sepatutnya turut berfungsi sebagai satu pusat sosial guru selain daripada tumpuan kepada aktiviti dalam bilik darjah seperti mana yang disarankan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan tentang peranan PKG.

Matlamat PKG juga belum tercapai dengan sepenuhnya memandangkan kurang kerjasama dari pihak pengguna dan kurang promosi dan penekanan dari pihak atasan yang menyebabkan aktiviti anjurannya tidak dianggap serius.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak PKG kawasan Tanjung Ipoh menurut penyelarasnya tidak rumit untuk diatasi kecuali mengambil masa yang lama kerana melibatkan banyak pihak. Penyelaras menyatakan beliau gembira bertugas di PKG kawasan Tanjung Ipoh kerana berpeluang menabur bakti dalam bidang pendidikan, dapat memberi idea dan menambahkan ilmu dan dapat melakukan sesuatu mengikut kreativiti sendiri. Penyelaras hanya kurang puas hati mengenai status PKG yang masih belum berfungsi secara menyeluruh. Menurut beliau peranan yang dimainkan oleh PKG hari ini sama dengan peranannya semasa ditubuhkan. Walaupun ada perubahan fizikal tetapi tiada perkembangan setara dengan perkembangan teknologi.

Penyelaras menyatakan sekiranya diberi peluang untuk mentadbir keseluruhan PKG, pertama sekali beliau akan menambah staff yang mempunyai komitmen yang sepenuhnya. Seterusnya beliau akan mempromosi kegiatan PKG dan pada masa yang sama melibatkan guru besar dan pengetua mengambil bahagian yang aktif di PKG. Penyelaras juga menyatakan bahawa beliau akan menghantar laporan penglibatan ketua pentadbir sekolah ini kepada pihak atasan supaya mereka akan memberikan tumpuan yang lebih serius kepada aktiviti PKG. Penyelaras juga menyatakan beliau

akan merancang aktiviti yang lebih bertumpu kepada guru dan keperluannya berbanding dengan apa yang diandaikan diperlukan oleh mereka.

Pada masa sekarang, rancangan PKG ini diatur melalui beberapa siri mesyuarat. Pihak Bahagian Teknologi Pendidikan akan memberikan garis panduan aktiviti PKG. Seterusnya mesyuarat akan diadakan di kalangan guru besar, pengetua dan penyelaras serta beberapa pegawai Pejabat Pendidikan Negeri dan Daerah iaitu Jawatankuasa Penyelaras PKG peringkat Negeri dan Daerah. Dalam mesyuarat ini, guru besar dan pengetua akan memberi input. Aktiviti akan dirancang melalui input ini.

Semua aktiviti anjuran PKG ini disusun mengikut kehendak pengelola aktiviti, sama ada oleh pihak JPNS atau PPD. PKG kadang-kala hanya berfungsi sebagai orang tengah sahaja. PKG juga mempunyai Jawatankuasa Pengurusannya tersendiri. Ada kalanya kompromi dilakukan antara pihak pemberi dan penerima sewaktu awal kursus supaya kedua-dua pihak berpuas hati dengan aturcara aktiviti.

Fasilitator untuk aktiviti PKG pula dipilih berdasarkan beberapa faktor. Di antaranya ialah beliau mempunyai pendedahan yang mencukupi dalam sesuatu aspek yang tertentu, kedua; beliau telah berjaya menjalankan sesuatu idea atau projek di sekolahnya; dan yang ketiga beliau adalah dari golongan profesional bukan guru misalannya penulis, ahli koperat dan sebagainya. Penilaian dari masa ke semasa mengenai perkhidmatan PKG ini dibuat pada kadar yang minima. Menurut penyelaras

PKG lagi, peti cadangan yang disediakan juga tidak menerima sambutan dari pihak pengguna PKG. Pada pendapat penyelaras PKG kawasan Tanjung Ipoh, kualiti adalah pencapaian tahap perkhidmatan cemerlang dalam semua aspek melalui saluran yang paling selesa dengan menggunakan proses penilaian yang berterusan.

Akhir sekali penyelaras PKG mencadangkan bahawa fungsi PKG yang sebenarnya mestilah diberikan tumpuan. Semua pihak yang terlibat mestilah bekerjasama untuk menjayakan fungsinya. PKG sepatutnya boleh dijadikan sebagai pusat ilmu, pusat rekreasi, pusat sosial dan sebagainya mengikut keperluan guru. Kualiti perkhidmatan yang menyeluruh hanya boleh dicapai sekiranya ada komitmen yang sepenuhnya dari semua pihak yang terlibat.

#### **4.3.6 Laporan Temu bual dengan Guru Besar dan Pengetua**

Seramai sepuluh orang guru besar dan dua orang pengetua telah ditemu bual untuk mendapatkan pendapat mereka mengenai fungsi dan perkhidmatan PKG. Hasil temu bual boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut;

##### I) Fungsi PKG

Semua guru besar dan pengetua berpendapat bahawa PKG berfungsi untuk membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi masih belum

mencapai tahap maksimum. Walau pun ada kursus, bengkel dan seminar serta pelbagai kemudahan disediakan, ianya tidak digunakan sepenuhnya. Menurut mereka terdapat banyak faktor yang menyumbang ke arah keadaan ini. Di antaranya menurut mereka ialah kesukaran menggalakkan guru-guru untuk ke PKG, terutamanya guru-guru yang telah lama mengajar. Guru-guru ini selalu memberi alasan yang pelbagai sekiranya disuruh untuk berkursus atau berbengkel di PKG. Di antara faktor lain yang dinyatakan oleh pihak majikan sekolah ini ialah guru-guru terlalu menumpukan perhatian kepada menghabiskan sukanan pelajaran kerana takut akan ditegur oleh nazir atau pelawat sekiranya tidak berbuat demikian. Oleh itu mereka kurang memberikan perhatian kepada penggunaan PKG.

Dengan adanya sistem saraan baru dalam pemberian prestasi kepada guru-guru, maka mereka lebih menumpukan perhatian kepada program akademik yang lain selain daripada PKG kerana masing-masing ingin mendapat pemarkahan yang tinggi dalam prestasi tahunan. Penglibatan dalam program PKG jarang diambilkira untuk pemarkahan ini. Oleh itu secara tidak langsung, minat untuk menyertai aktiviti PKG sangat kurang.

## ii) Galakan Majikan

Semua guru besar dan pengetua menggalakkan dan menyokong penuh guru-guru untuk berkursus atau berbengkel di PKG. Walau bagaimanapun guru-guru besar

dan pengetua hanya melawat atau menggunakan PKG dua hingga enam kali setahun iaitu untuk bermesyuarat, menghadiri taklimat atau menghadiri jamuan sambutan sesuatu majlis.

iii) Lokasi

Tentang kedudukan PKG dari sekolah pula, semua guru besar dan pengetua mendapatinya sangat sesuai kerana terletak di tengah-tengah zon Tanjung Ipoh.

iv) Peralatan

Semua guru besar dan pengetua berpendapat bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan boleh membantu meningkatkan prestasi keputusan peperiksaan tetapi yang lebih penting adalah perancangan yang sistematis. Tanpa perancangan yang baik, penggunaan teknologi juga tidak akan membantu. ini dapat dibuktikan dengan sekolah-sekolah yang tiada kemudahan teknologi mendapat keputusan peperiksaan yang lebih cemerlang jika dibandingkan dengan sekolah yang mempunyai kemudahan teknologi yang lengkap.

Jenis teknologi yang dibincangkan di sini ialah seperti penggunaan perakam, televisyen, radio dan peralatan elektrik yang lain dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Yang kerap digunakan di peringkat sekolah adalah rancangan T.V.